

KUASA PENGUATKUASA

Adalah dengan ini disahkan bahawa pemegang kad ini telah dilantik sebagai Pegawai Penguatkuasa UTM ZON BEBAS ASAP ROKOK & VAPE dan menguatkuasakan peraturan kawasan bebas asap rokok termasuk mengeluarkan kompaun

Diberi kuasa seperti yang ditetapkan dalam peraturan-peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 yang telah diwartakan pada 23 September 2004 (P.U(a) 324/2004)

Pekeliling Pentadbiran bil 22/2014

Pekeliling Pentadbiran bil 30/2015

- 1) Meminta dikemukakan dokumen pengenalan diri atau apa-apa dokumen lain yang berkaitan bila diarahkan Pegawai Penguatkuasa
- 2) Meminta berhenti merokok, mematikan nyalaan rokok dan menahan mana-mana pihak yang didapati melanggar mana-mana peruntukan didalam peraturan ini
- 3) Menyita dan menahan apa-apa barang atau bahan yang boleh dijadikan bukti dan mempercayai mana-mana peruntukan peraturan ini telah dilanggar dan
- 4) Mengeluarkan notis kompaun serta-merta terhadap mana-mana pihak yang didapati telah melanggar peraturan ini

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.02/10.12/2 Jld. 2 (52)

25 Jun 2014
27 Syaaban 1435

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 22/2014

PENGUATKUASAAN KAWASAN BEBAS ASAP ROKOK UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Dalam menjalankan kuasa di bawah subperenggan 4(1)(v), Perlembagaan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) menguatkuasakan peraturan Kawasan Bebas Asap Rokok selaras dengan pematuhan Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 yang telah diwartakan pada 23 September 2004 (P.U. (A) 324/2004).

2. Merokok hendaklah ditafsirkan sebagai perbuatan menyedut dan menghembus atau mengeluarkan asap dari apa-apa hasil tembakau seperti rokok, paip, sisha, cerut, rokok daun dan/atau apa-apa pengganti tembakau seperti rokok elektronik dalam apa jua bentuk yang boleh digunakan dengan serta-merta untuk tujuan merokok dan termasuklah memegang atau mempunyai kawalan ke atas apa-apa hasil tembakau yang bernyala di dalam mana-mana kawasan kampus oleh staf, pelajar atau pelawat Universiti.

3. Pegawai yang diberi kuasa untuk menguatkuasakan peraturan Kawasan Bebas Asap Rokok termasuk mengeluarkan kompaun adalah seperti berikut;


- a) Pegawai dan Pengawal dari Bahagian Keselamatan;
- b) Pegawai Pusat Kesihatan Mahasiswa;
- c) Pegawai di fakulti/bahagian yang dinamakan oleh Ketua Jabatan/Dekan;
- d) Pegawai, Pengetua, Felo atau mana-mana staf Pejabat Hal Ehwal Mahasiswa & Alumni (HEMA); dan
- e) Pegawai dari Unit OSHE.

4. Berdasarkan kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bil. 18/2013 yang bertarikh 23 September 2013, kompaun sebanyak RM100.00 akan dikenakan bagi setiap kesalahan merokok dan tindakan pentadbiran akan diambil kepada staf dan pelajar jika gagal membayar kompaun dalam masa 30 hari.
5. Peraturan Kawasan Bebas Asap Rokok dikuatkuasakan di semua kawasan dalam Universiti Teknologi Malaysia serta-merta.
6. Sehubungan itu, Pekeliling Pentadbiran Bil. 2/1989 dan Pekeliling Pentadbiran Bil. 16/1998 berkaitan larangan merokok di kalangan warga kampus adalah terbatal.

Sekian, dimaklumkan.

“Berkhidmat untuk Negara kerana Allah”

Yang benar,



WAN MOHD. ZAWAWI BIN WAN ABD. RAHMAN

Pendaftar

- s.k.
- YBhg Datuk Naib Canselor
 - YBhg Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - YBhg Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - YBhg Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Mahasiswa & Alumni)
 - YBhg Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Bendahari
 - Pengarah Kampus UTM Kuala Lumpur
 - Pegawai Kanan/Dekan/Pengarah



PERATURAN PENGUATKUASAAN KAWASAN BEBAS ASAP ROKOK UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

PENGENALAN

Pada menjalankan kuasa yang di bawah subperenggan 4(1)(v), Perlembagaan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) menguatkuasakan peraturan Kawasan Bebas Asap Rokok seperti berikut;

Kuasa Universiti

4. (1) Tertakluk kepada peruntukan Perlembagaan ini, Universiti hendaklah mempunyai kuasa yang berikut:
 - (v) melakukan segala perbuatan dan perkara lain, sama ada bersangkutan atau tidak dengan kuasa yang tersebut di atas itu, sebagaimana yang diperlukan untuk memajukan lagi pengajaran, penyelidikan, kewangan, pentadbiran, kebajikan dan tatatertib di Universiti.

TUJUAN

1. Peraturan ini bertujuan untuk melaksanakan penguatkuasaan kawasan bebas asap rokok di Universiti Teknologi Malaysia.
2. Mematuhi Pekeliling Kerajaan Malaysia, mengenai Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 yang telah diwartakan pada 23 September 2004. (P.U. (A) 324/2004).
3. Memberi panduan berhubung peruntukan penguatkuasaan dan kompaun yang dikenakan bagi mereka yang ingkar dengan peraturan berkaitan.

LATAR BELAKANG

1. Kerajaan telah mewarta dan menguatkuasakan - Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004. P.U (A) 324. Peraturan ini adalah lanjutan dari Seksyen 36 Akta Makanan 1983 (Akta 281) yang berkaitan larangan iklan hasil tembakau, kawalan penjualan hasil tembakau, larangan merokok dan mengkompaun bagi kesalahan merokok.
2. Universiti telah mengeluarkan Pekeliling Pentadbiran bil. 2/1989 dan Pekeliling Pentadbiran bil. 16/1998 berkaitan larangan merokok di kalangan warga kampus.

TAFSIRAN

- “Hasil Tembakau” - Semua jenis produk dari tembakau yang digunakan seperti rokok, paip, sisha, cerut, rokok daun dan/atau semua jenis produk pengganti tembakau seperti rokok elektronik.
- “Kampus” - Kampus Universiti Teknologi Malaysia, termasuklah semua kawasan, asrama, institusi dan bangunan Universiti.
- “Merokok” - Menyedut dan menghembus atau mengeluarkan asap dari apa-apa hasil tembakau atau apa-apa pengganti tembakau dalam apa jua bentuk yang boleh digunakan dengan serta merta untuk tujuan merokok dan termasuklah memegang atau mempunyai kawalan ke atas apa-apa hasil tembakau yang bernyala didalam kampus.
- “Pelajar” - Seseorang yang berdaftar, selain pelajar di suatu institusi yang bersekutu dengan universiti atau kolej universiti, yang mengikuti kursus pengajian, pengajaran, latihan atau penyelidikan daripada apa-apa perihalan pada peringkat sendirian, pra-ijazah, lepas ijazah atau lepas kedoktoran secara sepenuh masa atau sambilan dalam, oleh atau dari universiti dan termasuklah pembelajaran jarak jauh, luar kampus, pertukaran dan pelajar tidak berijazah.
- “Staf” - Mana-mana orang yang diambil bekerja oleh Universiti Teknologi Malaysia

- “Orang Awam” - Mana-mana orang luar selain daripada staf dan pelajar Universiti Teknologi Malaysia
- “Penguatkuasa” - Mana-mana staf yang dilantik oleh pihak berkuasa Universiti bagi menguatkuasakan peraturan kawasan bebas asap rokok di Universiti Teknologi Malaysia
- “Tembakau” - Apa-apa hasil yang diperolehi daripada daun pokok *Nicotiana Tobacum* atau pokok-pokok berkaitan lain dan termasuklah apa-apa hasil tembakau.

PENGUATKUASA

Pegawai yang diberi kuasa untuk menguatkuasakan peraturan kawasan bebas asap rokok termasuk mengeluarkan kompaun adalah seperti berikut;.

- a) Pegawai dan Pengawal dari Bahagian Keselamatan;
- b) Pegawai Pusat Kesihatan Mahasiswa;
- c) Pegawai di fakulti/bahagian yang dinamakan oleh Ketua Jabatan/Dekan;
- d) Pegawai, Pengetua, Felo atau mana-mana staf Pejabat Hal Ehwal Mahasiswa & Alumni (HEMA); dan
- e) Pegawai dari Unit OSHE.

1. Bidang kuasa Penguatkuasa:-

Seorang Penguatkuasa, diberi kuasa pada bila-bila masa bagi melaksanakan dengan usaha wajar dan lebih baik kewajipannya:

- a) Meminta dikemukakan dokumen pengenalan diri atau apa-apa dokumen lain yang berkaitan bila diarahkan oleh Pegawai Penguatkuasa itu;
- b) Meminta berhenti merokok, mematikan nyalaan rokok dan menahan mana-mana pihak yang didapati melanggar mana-mana peruntukan di dalam Peraturan ini;
- c) Menyita dan menahan apa-apa barang atau bahan yang boleh dijadikan bukti dan mempercayai mana-mana peruntukan peraturan ini telah dilanggar; dan

- d) Mengeluarkan notis kompaun serta-merta terhadap mana-mana pihak yang didapati telah melanggar peraturan ini.

TINDAKAN PENGUATKUASAAN

Tindakan keatas penguatkuasaan dilaksanakan berdasarkan kategori berikut:

- a) Pelajar;
- b) Staf; dan
- c) Orang Awam.

1. Pelajar:

Dikenakan kompaun sebanyak RM100.00 dan perlu dijelaskan dalam tempoh sebulan. Jika gagal menjelaskan kompaun, nilai kompaun tersebut akan dimasukkan ke dalam sistem maklumat akaun pelajar sebagai hutang.

2. Staf:

- a) Dikenakan kompaun sebanyak RM100.00 dan perlu dijelaskan dalam tempoh sebulan;
- b) Sekiranya gagal, membayar kompaun dalam tempoh sebulan, proses tindakan pemotongan gaji (dengan notis) akan dilaksanakan; dan
- c) Sekiranya, mana-mana individu yang didapati tidak memberi kerjasama kepada Pegawai Penguatkuasa semasa ditahan, maka individu tersebut dianggap telah ingkar perintah Universiti. Prosedur ingkar perintah berbentuk Amaran Pentadbiran Pertama dan Amaran Pentadbiran Kedua yang akan dimasukkan dalam Fail Peribadi bagi tujuan perekodan.

3. Orang awam:

- a) Diarah untuk berhenti merokok;
- b) Sekiranya enggan berhenti, maka individu tersebut diarah keluar daripada kawasan kampus;
- c) Bagi individu yang enggan berhenti dan tidak mahu keluar, maka individu tersebut akan diusir dari kawasan kampus.

Peraturan Kawasan bebas asap rokok dikuatkuasakan di semua kawasan dalam Universiti Teknologi Malaysia mulai Pekeliling Pentadbiran Bil. 22/2014 bertarikh 25 Jun 2014 dikeluarkan.

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.02/10.12/2 Jld.3 (25)

29 November 2015
17 Safar 1437

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 30/2015

PEWARTAAN LARANGAN PENGGUNAAN VAPE ATAU ROKOK ELEKTRONIK DALAM KAWASAN KAMPUS UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Berdasarkan Perlembagaan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dalam menjalankan kuasa di bawah subperenggan 4(1)(t), Universitiewartakan larangan penggunaan *vape* atau rokok elektronik dalam kawasan kampus Universiti Teknologi Malaysia.

2. Keputusan ini selaras dengan kenyataan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh bahawa semua 20 universiti awam bersetuju agar penggunaan *vape* atau rokok elektronik dan rokok diharamkan di kampus masing-masing pada 20 November 2015. Pewartaan ini juga adalah kesinambungan daripada Pekeliling Pentadbiran UTM Bil. 22/2014 mengenai Penguatkuasaan Kawasan Bebas Asap Rokok di Universiti Teknologi Malaysia.

3. *Vaping* hendaklah ditafsirkan sebagai perbuatan menyedut, menghembus atau mengeluarkan asap dari rokok elektronik dalam apa jua bentuk di dalam mana-mana kawasan kampus oleh staf, pelajar atau pelawat Universiti.

4. Pegawai yang diberi kuasa untuk menguatkuasakan peraturan Kawasan Bebas Asap Rokok termasuk mengeluarkan kompaun adalah seperti berikut;

- a) Pegawai dan Pengawal dari Bahagian Keselamatan;
- b) Pegawai Pusat Kesihatan Mahasiswa;
- c) Pegawai dari Unit OSHE ;
- d) Pegawai, Pengetua, Felo atau mana-mana staf Pejabat Hal Ehwal Mahasiswa & Alumni (HEMA); dan
- e) Pegawai di fakulti/bahagian yang dinamakan oleh Ketua Jabatan/Dekan.


5. Berdasarkan kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bil. 18/2013 yang bertarikh 23 September 2013, kompaun sebanyak RM100.00 akan dikenakan bagi setiap kesalahan merokok dan tindakan pentadbiran akan diambil kepada staf dan pelajar jika gagal membayar kompaun dalam masa 30 hari. Keputusan dan denda ini juga akan dipanjangkan bagi kesalahan *vaping* dalam kawasan kampus Universiti.

6. Pewartaan larangan menggunakan *vape* atau rokok elektronik dalam kawasan kampus Universiti Teknologi Malaysia adalah berkuat kuasa serta-merta.

Sekian, dimaklumkan.

“Berkhidmat untuk Negara kerana Allah”

Yang benar,



WAN MOHD. ZAWAWI BIN WAN ABD. RAHMAN
Pendaftar

- s.k. - YBhg. Datuk Naib Canselor
- YBhg. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
- YBhg. Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
- YBhg. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Mahasiswa & Alumni)
- YBhg. Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
- Pengarah Kampus UTM Kuala Lumpur
- Bendahari
- Pengarah Kerja, Pejabat Harta Bina
- Pegawai Kanan/Dekan/Pengarah